



RALAT SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NOTA: Siaran media ini menggantikan versi yang dikeluarkan pada 29 Jun 2026

MALAYSIA BAKAL MENJADI TUAN RUMAH MESYUARAT MENTERI-MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI ASEAN KE-23 (AMMSTI-23) PADA TAHUN 2027

VIENTIANE, LAO PDR, 29 JUN 2026 – Malaysia secara rasmi bakal menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN ke-23 (AMMSTI-23) pada bulan Jun 2027. Ini merupakan satu pencapaian penting bagi negara dalam mengorak langkah menerajui kerjasama serantau demi memacu ekosistem inovasi yang berdaya tahan, mampan dan kompetitif di seluruh Asia Tenggara.

Penyerahan tugas tersebut telah disahkan pada penghujung Mesyuarat Menteri-Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN ke-22 (AMMSTI-22) yang telah berlangsung pada 26 Jun 2026 di Vientiane, Lao PDR. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bercakap pada penutup mesyuarat tersebut, YB Datuk Chang Lih Kang menegaskan komitmen Malaysia untuk menerajui inisiatif serantau berimpak tinggi selaku bakal tuan rumah. "Malaysia menerima kepimpinan AMMSTI pada tahun 2027 dengan visi yang jelas iaitu untuk mempercepatkan penyelesaian berasaskan inovasi yang memberi manfaat secara langsung kepada hampir 700 juta penduduk ASEAN.

Dalam era peralihan ekonomi global dan ketidakpastian iklim, sains, teknologi dan inovasi (STI) bukan lagi satu pilihan, sebaliknya ia adalah asas kepada daya tahan

serantau, keselamatan makanan dan kesiapsiagaan masa hadapan kita." Menteri turut mengetengahkan beberapa pencapaian utama dan transformasi struktur yang telah disahkan semasa AMMSTI-22 yang selaras dengan dasar sains dan teknologi kebangsaan Malaysia. Mesyuarat tersebut telah melancarkan secara rasmi Dana STI ASEAN (ASTIF) yang bertemakan "ASEAN Grand Challenge: AI-Enabled Competitive and Resilient Region," yang menyasarkan integrasi kecerdasan buatan (AI) bagi menangani cabaran serantau.

Penyampaian Teknologi AI dan Angkasa: *Priority Economic Deliverables* (PED) bagi tahun 2026 telah dimajukan termasuk Program Serantau bagi STI dalam AI (Fasa 1 – S&T Kesihatan) 2026 dan Deklarasi ASEAN mengenai Kerjasama Angkasa Lepas.

YB Datuk Chang Lih Kang turut mengalu-alukan pengoperasian Fasiliti Pengkomputeran Berprestasi Tinggi (HPC) ASEAN–Korea di Indonesia. Dengan kelajuan mencecah 4.2-petaFLOPS, hab superkomputer ini secara rasmi disenaraikan dalam kelompok TOP500 superkomputer paling berkuasa di dunia dan menjadi infrastruktur HPC serantau berkongsi yang pertama bagi blok tersebut. "Aset superkomputer berkongsi ini merupakan pengubah keadaan (*game-changer*) bagi para penyelidik, inovator dan industri di Malaysia. Usaha ini akan memberikan kita kekuatan pengkomputeran yang diperlukan untuk pembangunan AI termaju, pemodelan iklim, ramalan bencana dan bioteknologi. Saya amat menyarankan komuniti saintifik dan institusi teknologi Malaysia untuk memanfaatkan infrastruktur ini semasa mengemukakan permohonan bagi ASTIF Call 2026 yang baru dilancarkan." tambah YB Datuk Chang Lih Kang.

Malaysia turut meraikan satu lagi pencapaian membanggakan sepanjang minggu Mesyuarat Menteri-Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN ke-22 (AMMSTI-22), Mesyuarat Jawatankuasa berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN ke-89 (COSTI-89) dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan apabila Encik Chan Jee Onn dari Universiti Malaya bersama pasukan Universiti Malaya–Xuzhou Medical University muncul sebagai Johan (Kategori Pasukan) dalam Pertandingan Inovasi dan

Keusahawanan China–ASEAN (CAIEC) ke-4 yang berlangsung di Vientiane. Projek kemenangan mereka, *YuCare Medical Technology*, merupakan sebuah sistem rehabilitasi pintar berasaskan kecerdasan buatan (AI) bagi mempertingkatkan penjagaan pesakit serta memacu inovasi penjagaan kesihatan digital. Kejayaan ini mencerminkan kecemerlangan Malaysia yang semakin terserlah dalam bidang penyelidikan, inovasi dan kerjasama antarabangsa.

Memandangkan Malaysia sedang bersiap sedia untuk memegang Pengerusi AMMSTI-23 pada tahun hadapan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memberikan tumpuan kepada pengukuhan pembangunan bakat, memajukan keupayaan teknologi mendalam (deep tech), serta memupuk kerjasama yang lebih erat dengan rakan dialog ASEAN.

Mesyuarat di Vientiane tersebut berakhir dengan iltizam bersama untuk menyokong Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN 2026-2030, bagi memastikan tiada negara anggota yang tercicir dalam ekonomi digital global yang sedang berkembang pesat.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
29 JUN 2026**



REISSUED PRESS RELEASE

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NOTE: This press release replaces the version issued on 29 June 2026.

MALAYSIA SET TO HOST 23RD ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION (AMMSTI-23) IN 2027

VIENTIANE, LAO PDR, 29 JUNE 2026 – Malaysia is officially set to host the 23rd ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation (AMMSTI-23) in June 2027. This is a significant milestone for the nation as it steps up to lead regional cooperation in driving a resilient, sustainable and competitive innovation ecosystem across Southeast Asia.

The handover was confirmed at the conclusion of the 22nd ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation (AMMSTI-22), held on 26 June 2026 in Vientiane, Lao PDR. The Malaysian delegation was led by YB Datuk Chang Lih Kang, Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

Speaking at the conclusion of the meeting, YB Datuk Chang Lih Kang emphasized Malaysia's commitment to spearheading high-impact regional initiatives as the incoming host. "Malaysia accepts the stewardship of AMMSTI in 2027 with a clear vision to accelerate innovation-driven solutions that directly benefit the nearly 700 million citizens of ASEAN. In an era of global economic shift and climate uncertainty, science, technology and innovation (STI) are no longer optional, they are the bedrock of our regional resilience, food security, and future readiness.

The Minister highlighted several key achievements and structural transformations endorsed during AMMSTI-22 that align closely with Malaysia's national science and technology policy. The meeting officially launched the ASEAN STI Fund (ASTIF) Call for Proposals themed "ASEAN Grand Challenge: AI-Enabled Competitive and

Resilient Region," targeting artificial intelligence (AI) integration to address regional challenges.

Minister Datuk Chang Lih Kang also welcomed the operationalization of the ASEAN–Korea HPC Facility in Indonesia. Clocking in at a massive 4.2-petaFLOPS, this supercomputing hub is officially listed among the global TOP500 most powerful supercomputers and stands as the bloc's first shared regional HPC infrastructure.

YB Datuk Chang Lih Kang added "This shared supercomputing asset is a game-changer for Malaysian researchers, innovators, and industries. "It gives us the computational muscle required for advanced AI development, climate modelling, disaster forecasting, and biotechnology. I strongly urge Malaysian scientific communities and tech institutions to leverage this infrastructure when pitching for the newly launched ASTIF Call 2026."

Malaysia also celebrates another proud achievement during the 22nd ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation (AMMSTI-22), 89th ASEAN Committee on Science, Technology and Innovation (COSTI-89) and related meetings week, with Mr. Chan Jee Onn of Universiti Malaya leading the Universiti Malaya–Xuzhou Medical University team to emerge as the Champion (Team Category) at the 4th China–ASEAN Innovation and Entrepreneurship Competition (CAIEC) held in Vientiane. Their award-winning project, *YuCare Medical Technology*, features an AI-enabled intelligent home rehabilitation system designed to improve patient care and accelerate digital healthcare innovation. This achievement reflects Malaysia's growing excellence in research, innovation and international collaboration.

As Malaysia prepares to assume the Chairmanship for AMMSTI-23 next year, MOSTI will focus on strengthening talent development, advancing deep tech capabilities, and fostering deeper collaboration with ASEAN's external dialogue partners. The Vientiane meeting concluded with a collective reaffirmation to support the ASEAN Community Vision 2045 and the ASEAN Economic Community Strategic Plan 2026-2030, ensuring that no member state is left behind in the rapidly evolving global digital economy.

#END#

Prepared by:



MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
29 JUNE 2026